



# LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2  
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM.



LPJ/IP/OPS/24JLD2(78)

05 JUN 2016

## NOTIS PELABUHAN BIL. 44 / 2016

### LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

- Kepada : Operator Pelabuhan, Pemilik / Operator Jeti  
Persendirian, Syarikat Perkhidmatan  
Pengendalian dan Semua Pengguna  
Pelabuhan.
- Perkara : Pelaksanaan Peraturan VI/2 *Safety Of Life at  
Sea (SOLAS)* berkaitan Pengesanan Berat  
Kasar Kontena Berkargo (*Verified Gross Mass-  
VGM*) dan *Standard Operating Prosedur (SOP)*  
di Pelabuhan (Johor Port Berhad-JPB dan  
Pelabuhan Tanjung Pelepas-PTP) .
- Tarikh Berkuat kuasa : 1 Julai 2016.

Perkara di atas dirujuk.

2. Notis ini memberi maklumat terhadap pematuhan ke atas Peraturan VI/2 *SOLAS* berkaitan *VGM* kontena dan *SOP* di Pelabuhan (Johor Port Berhad-JPB dan Pelabuhan Tanjung Pelepas-PTP).
3. Dimaklumkan bahawa *International Maritime Organization (IMO)* telah membuat pindaan ke atas Peraturan VI/2 *SOLAS* berkaitan dengan keperluan *VGM* kontena bermuatan yang akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 Julai 2016. Peraturan tersebut menghendaki semua kontena bermuatan hendaklah mempunyai *VGM*.
4. Peraturan tersebut juga menetapkan pihak *Shipper* bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat *VGM* sebelum kontena boleh dimuat naik ke kapal bagi tujuan eksport. Sementara itu, pihak kapal juga boleh menolak mana-mana kontena sekiranya tiada maklumat *VGM* diperoleh.

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG)	:	07-253 4000 (TEL.)
	:	07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS)	:	07-507 1978 (TEL.)
	:	07-5071976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA	:	02-6545 3230 (TEL.)
	:	02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB	:	http: www.lpj.gov.my
	:	email : admin@lpj.gov.my

5. Sementara itu, berikutan daripada pelaksanaan peraturan ini, *IMO* juga telah mengeluarkan satu pekeliing tambahan iaitu MSC.1/Circ.1548 bertarikh 23 Mei 2016. Pekeliing ini membenarkan pendekatan yang pragmatik dan praktikal diambil apabila menentukan kepatuhan kepada peraturan SOLAS VI/ 2.4 sehingga VI/ 2.6 untuk tempoh 3 bulan selepas 1 Julai 2016 bagi tujuan berikut:

- i. Membenarkan kontena bermuatan tanpa *VGM* yang dimuat naik ke atas kapal sebelum 1 Julai 2016 dan masih dalam *transship* pada atau selepas 1 Julai 2016 untuk terus dihantar ke pelabuhan pemunggaan terakhir.
- ii. Memberi peluang semua pihak berkepentingan dalam pengangkutan kontena untuk menambah baik segala prosedur dokumentasi, komunikasi dan perkongsian maklumat *VGM*.

6. Bersama-sama ini, disertakan salinan dokumen-dokumen berkaitan untuk rujukan:

- i. Peraturan VI/2 SOLAS MSC.1/Circ.1475.
- ii. Maklumat tambahan MSC.1/Circ. 1548.
- iii. *General SOP* berserta caj bagi pelabuhan (JPB dan PTP).

7. Perhatian tuan juga dirujuk kepada Notis Perkapalan Malaysia-NPM 02/2016 bertarikh 11 Januari 2016 dan Notis Perkapalan Malaysia-NPM 05/2016 bertarikh 3 Jun 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia.

Sekian, terima kasih.

## PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN

Yang benar

  
MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Johor